



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**MAJLIS PERASMIAN KUALA  
LUMPUR ORCHIDS & BONSAI  
SHOW  
(KLOBS) 2017**

**OLEH**

**YB SENATOR DATO' DR. LOGA  
BALA MOHAN  
TIMBALAN MENTERI WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

**Tarikh : 2 Dec. 2017**

**(Sabtu)**

**Masa : 10.00 am**

**Tempat : Plaza, Taman Pudu  
Ulu Cheras, Kuala  
Lumpur**

**Terima kasih Saudara/i,  
pengacara majlis,  
(Senarai salutasi akan  
dibekalkan oleh pihak  
penganjur)**

**Ahli-ahli Lembaga  
Penasihat Bandaraya Kuala  
Lumpur,**

**Ketua-ketua Jabatan dan  
Pegawai-pegawai Kanan  
Dewan Bandaraya Kuala  
Lumpur,**

**Datuk-Datuk, Datin-Datin,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan  
sekalian,**

**Salam Sejahtera, Salam 1  
Malaysia dan Salam  
Negaraku Malaysia.**

**Sidang hadirin yang saya  
hormati,**

**Pertama sekali, saya ingin  
mengucapkan terima kasih  
dan saya rasa berbesar hati  
dengan jemputan yang  
diberikan untuk menghadiri  
majlis pada pagi ini.**

**Dikesempatan ini juga, saya  
ingin mengucapkan  
penghargaan dan ribuan  
terima kasih kepada Tan Sri,  
Puan Sri, Datuk-Datuk,  
Datin-Datin, Tuan-Tuan dan  
Puan-Puan sekalian atas  
kesudian melapangkan  
masa untuk bersama-sama  
meraikan majlis Perasmian**

# **KUALA LUMPUR ORCHIDS & BONSAI SHOW 2017.**

**Seperti yang telah  
disebutkan oleh YBhg Datuk  
Bandar sebentar tadi, Kuala  
Lumpur Orchids & Bonsai  
Show (KLOBS)2017 ini  
merupakan kesinambungan  
bagi program serupa yang  
pernah diadakan pada  
tahun 2012, 2014 dan 2015.**

**Selain bertujuan untuk mempromosikan taman ini, program seumpama ini juga merupakan inisiatif kerajaan yang komited di dalam menyediakan pelbagai kemudahan termasuk aktiviti atau program rekreasi yang sihat**

**untuk disertai oleh  
wargakota.**

**Sidang hadirin,**

**Program ini juga dilihat**

**sebagai sebuah program**

**yang mampu**

**mempromosikan Kuala**

**Lumpur di mata dunia**

**dengan keunikannya**

**tersendiri.**

**Lihat sahaja bagaimana  
himpunan orkid daripada  
pelbagai Negara yang boleh  
disaksikan di pameran ini.  
Tidak kurang juga keunikan  
rekabentuk bonsai yang  
pelbagai dari saiz dan  
sepsis turut dipamerkan di  
KLOBS 2017.**

**Saya melihat program seumpama ini dapat membantu dalam meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan menggalakkan budaya hidup sihat melalui penglibatan aktif di dalam pelbagai aktiviti yang disediakan.**

**Seperti yang dimaklumkan oleh YBhg Datuk Bandar tadi, bersempena program ini, pelbagai aktiviti termasuklah jualan dan pameran orkid serta bonsai, jualan pokok buah-buahan dan tanaman landskap, persembahan hiburan, extreme games,**

**ponny ride dan lain-lain lagi.**

**Kemeriahannya sepanjang**

**sembilan hari di sini**

**pastinya mengujakan**

**dengan suasana taman**

**yang ceria, indah dan**

**menarik.**

**Sidang hadirin,  
Saya difahamkan juga di  
dalam Program KLOBS 2017  
ini kita mempunyai pelbagai  
segmen pendidikan  
termasuklah ceramah  
perkebunan seperti  
Demonstrasi Orkid dan  
Bonsai, Perkampungan  
Pelajar IPT dan**

**Demonstrasi                          Gubahan**

**Bunga Segar. Penglibatan**

**warga kota di dalam KLOBS**

**2017 ini dijangka dapat**

**mendedahkan                          mereka**

**dengan pelbagai informasi**

**berkaitan                                  ilmu-ilmu**

**landskap dan hortikultur**

**yang berkaitan khususnya**

**pokok bonsai dan orkid.**

**Melaluinya peserta dapat menimba ilmu baru dan mencuba sendiri teknik yang ditunjukkan seterusnya mempraktikkan sendiri penanaman tanaman hiasan di rumah.**

**Adalah diharapkan bagi mereka yang sering merasakan kekurangan ruang untuk berkebun maupun menanam tanaman hiasan di rumah, kini pastinya lebih mudah. Saya juga difahamkan, di dalam KLOBS 2017 ini,**

**MARDI** telah memperkenalkan hybrid orkid baru dari sepsis **Arundina** yang indah yang merupakan spesis orkid yang tahan kepada perubahan cuaca dan berpotensi dijadikan sebagai tanaman hiasan landskap.

**Hadirlin sekalian,**

**Kita juga berharap dapat**

**melahirkan lebih ramai**

**warga kota yang**

**mempunyai semangat**

**cintakan keindahan alam**

**sekitar dan**

**memperjuangkan**

**pemeliharaan alam**

**semulajadi.**

**Saya berharap agar seluruh  
rakyat di Negara ini untuk  
bersama-sama dengan  
kerajaan bagi menjaga alam  
sekitar kita.**

**Sudah tiba masanya  
masyarakat mengambil  
tahu tentang aspek  
keselamatan, keselesaan  
dan keindahan taman dalam  
ruangan landskap di sekitar  
mereka.**

**Walau bagaimanapun,  
harus diingat, mengambil  
tahu sahaja tidak cukup.  
Setiap daripada kita harus  
berusaha untuk melibatkan  
diri bersama-sama menjaga  
keindahan taman.**

**Hal ini penting dalam  
memastikan pembangunan  
negara ini mencapai tahap  
pembangunan yang mapan.**

**Dapat dilihat kini kerajaan sendiri telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan kualiti landskap dan persekitaran negara ini.**

**Ini termasuklah pembinaan taman-taman baru serta usaha menaiktaraf taman-taman awam sedia ada sekitar bandaraya ini termasuklah Taman Pudu Ulu yang baru sahaja dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah pada 10 April 2017 lalu.**

**Selain itu, program penanaman pokok juga giat dijalankan bagi memastikan kualiti persekitaran kita sentiasa berada di dalam keadaan terbaik dan selesa untuk didiami.**

**Namun usaha ini akan  
menjadi sia-sia jika kita  
tidak bersama-sama  
menjaga dan menerapkan  
rasa tanggungjawab dalam  
diri kita. Dengan adanya  
KLOBS 2017 ini, hadirin  
bolehlah menggunakan ilmu  
yang dipelajari dari  
program-program yang**

**dianjurkan dalam usaha  
kita mengindah, menghijau  
dan menghargai  
persekitaraan.**

**Hadirlin sekalian,  
Pelbagai pengisian program  
di KLOBS 2017 ini  
disediakan secara percuma.  
Ini pastinya akan menarik  
lebih ramai pengunjung  
baik di dalam maupun di  
luar negara sepanjang lagi  
9 hari ia berlangsung.**

**Sehubungan itu, saya  
menyeru kepada semua,  
marilah sama-sama kita  
war-warkan KLOBS 2017  
agar lebih ramai lagi  
masyarakat negara ini  
mendapat kebaikkanya.**

**Program ini diharapkan dapat mampu mencapai objektif yang disasarkan sekaligus memberi impak positif di dalam mempromosikan Kuala Lumpur serta berpotensi besar untuk dijadikan produk eko-pelancongan**

**yang berterusan pada akan  
datang.**

**Hadirlin sekalian,**

**Di kesempatan ini juga saya**

**merakamkan terima kasih**

**kepada para penaja atas**

**keprihatinan untuk turut**

**sama menyumbang di**

**dalam KLOBS 2017. Terima**

**kasih juga kepada agensi-**

**agensi yang turut sama**

**terlibat dalam usaha  
menjayakan program ini.**

**Diharapkan juga agar ini  
dapat diteruskan pada masa  
akan datang dan membuka  
mata lebih ramai agensi  
untuk turut sama  
membantu memelihara dan  
menghargai apa yang kita  
laksanakan ini. Sebelum  
mengakhiri ucapan, ingin**

**saya mengungkapkan  
serangkap pantun,**

**"Anak dara menghampar  
alas,**

**Lenggok bagai puteri  
kayangan,**

**Bertemu kita di KLOBS 2017,  
Biar sampai jadi kenangan".**

**Sidang hadirin yang  
dihormati,  
Dengan sukacitanya, saya  
dengan ini merasmikan  
KUALA LUMPUR ORCHIDS  
AND BONSAI SHOW (KLOBS)  
2017.**

**Sekian, terima kasih.**